

Kesalahan Penggunaan Kata Adjektif atau Keiyoushi 「形容詞」 Dalam Karangan Bahasa Jepun: Kajian Kes Terhadap Pelajar Melayu Di Universiti Putra Malaysia (UPM)

The Error Analysis on the Use of Adjective or Keiyoushi 「形容詞」 In Japanese Language Composition: A Case Study of Malay Students at Universiti Putra Malaysia (UPM)

Sanimah Hussin¹, Zaitul Azma Zainon Hamzah², Muhd Alif Redzuan Abdullah³

ABSTRAK

Apabila seseorang pelajar Melayu mempelajari bahasa Jepun, mereka akan melakukan pelbagai kesalahan dalam aspek tatabahasa bahasa Jepun yang dipelajari. Salah satu aspek kesalahan yang sering dilakukan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun ialah kata adjektif atau “keiyoushi” dalam penulisan ayat atau karangan dalam bahasa Jepun. Ini adalah kerana golongan kata adjektif dalam bahasa Jepun berbeza dengan kata adjektif bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesalahan dalam penggunaan kata adjektif atau keiyoushi 「形容詞」 dalam karangan pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia. Untuk mencapai objektif kajian ini, Teori Taksonomi Struktur Permukaan oleh Dulay, Burt, dan Krashen (1982) digunakan untuk menganalisis data kajian. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang pelajar yang mempelajari bahasa Jepun Asas Tahap 2 di Universiti Putra Malaysia.

Kata kunci: kata adjektif, analisis kesalahan, bahasa Jepun, karangan, pelajar Melayu

ABSTRACT

When Malay students studying the Japanese language, they will do a variety of errors in grammar aspects of the Japanese language learned. One aspect of the common mistakes made by Malay students who study Japanese language is adjective or “keiyoushi” in paragraph or essay writing in Japanese. This is because the adjective in Japanese language is different from the adjectives in Malay language. Therefore, this study was conducted to identify errors in the use of adjectives or “keiyoushi” 「形容詞」 in Malay students' essay in the Universiti Putra Malaysia. To achieve the objectives of this study, Surface Strategy Taxonomy Theory by Dulay, Burt, and Krashen (1982) used to analyze the study data. The sample consisted of 30 students who study Basic Japanese language Level 2 in Universiti Putra Malaysia.

Keywords: adjectives, error analysis, Japanese language, composition, Malay student

¹ Sanimah Hussin, PhD, pensyarah, Pusat Kemajuan dan Kompetensi Bahasa, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, sanimah@upm.edu.my.

² Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD, pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, zazh@upm.edu.my

³ Muhd Alif Redzuan Abdullah, PhD, pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, muhammadalif@upm.edu.my.

Pengenalan

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia sering melakukan pelbagai kesalahan bahasa dalam aktiviti penulisan bahasa Jepun kerana perbezaan yang terdapat antara sistem linguitik bahasa Melayu dengan bahasa Jepun (Ong Shyi Nian dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2015; Zoraida Mustafa, 2009; Chong Pow Yean, 2005; Roswati Rashid, 2002). Sudjianto (2014) menjelaskan bahawa bahasa Jepun memiliki ciri yang unik dari segi sistem tulisan, sistem lisan, aspek tatabahasa, ragam bahasa dan kosa kata yang berbeza dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu. Hal ini jelas khususnya dalam penggolongan kata adjektif bahasa Jepun yang terbahagi kepada dua golongan kata adjektif, iaitu *keiyoushi* (kata adjektif-i) dan *keiyoudoushi* (kata adjektif-na).

Keiyoushi ialah kata adjektif yang diakhiri dengan aksara hiragana *い* (i) dan merupakan golongan kata yang menyatakan kata sifat atau keadaan, sekali gus turut berfungsi sebagai predikat. *Keiyoushi* juga boleh mengalami perubahan bentuk justeru dapat menjadi kata keterangan yang menerangkan kosa kata lain dalam ayat (Sudjianto, 2007). Sebagai contohnya ialah *chiisai*, *nagai*, *omoshiroi* dan sebagainya. Sementara itu, *keiyoudoushi* pula merujuk kepada golongan kata adjektif yang berakhir dengan aksara hiragana *な* (na) dan merupakan golongan kata yang boleh membentuk frasa sendiri. Sebagai contohnya ialah *hansamu(na)*, *nigiyaka(na)*, *genki(na)* dan sebagainya. Pola ini berbeza dengan tatabahasa bahasa Melayu yang hanya mempunyai satu golongan kata adjektif. Perbezaan pola kata adjektif dalam dua sistem bahasa ini menyebabkan pelajar Melayu cenderung melakukan kesalahan penggunaan kata adjektif atau *keiyoushi* dalam penulisan ayat atau karangan dalam bahasa Jepun.

Seterusnya dan dalam konteks pembelajaran nahu bahasa Jepun, golongan kata adjektif merupakan aspek tatabahasa yang sukar dikuasai pelajar Melayu. Hal ini kerana perubahan atau konjugasi yang berlaku pada kata adjektif bahasa Jepun iaitu dalam bentuk negatif, kala lampau dan negatif kala lampau dalam *keiyoushi* dan *keiyoudoushi* adalah berbeza. Berhubung perkara ini, sila rujuk Jadual 1 untuk melihat perubahan atau konjugasi *keiyoushi* dan *keiyoudoushi* dalam bentuk negatif, kala lampau dan negatif kala lampau.

Jadual 1: Perubahan *keiyoushi* dan *keiyoudoushi* kepada Bentuk Negatif, Bentuk Lampau dan Bentuk Negatif Lampau (Kaneko, 1999)

Bentuk Biasa	Bentuk Negatif	Bentuk Lampau	Bentuk Negatif Lampau
暑ーい	暑ーくない	暑ーかった	暑ーくなかった
<i>atsu-i</i>	<i>atsu-kunai</i>	<i>atsu-katta</i>	<i>atsu-kunakatta</i>
便利	便利ーじゃありません	便利ーでした	便利ーじゃありませんでした
<i>benri</i>	<i>benri-ja arimasen</i>	<i>benri-deshita</i>	<i>benri-ja arimasendeshita</i>

Selain itu, *keiyoudoushi* turut mengalami konjugasi apabila ditambah kepada kata nama dalam ayat (Masuoka dan Takubo, 2002). Sebagai contohnya:

1. BJ⁴: ふじさんはきれいです。

TR: *Fujisan wa kirei desu.*

BM: Gunung Fuji adalah cantik.

2. BJ: ふじさんはきれいなやまです。

TR: *Fujisan wa kirei na yama desu.*

BM: Gunung Fuji ialah gunung yang cantik.

Hal ini berbeza dengan *keiyoushi* yang tidak mengalami konjugasi apabila ditambah kepada kata nama dalam ayat. Sebagai contohnya:

3. BJ: ふじさんはたかいです。

TR: *Fujisan wa takai desu.*

BM: Gunung Fuji adalah tinggi.

4. BJ: ふじさんはたかいやまです。

TR: *Fujisan wa takai yama desu.*

BM: Gunung Fuji ialah gunung yang tinggi.

Sehubungan dengan itu dan dalam konteks kajian ini, penggunaan karangan sebagai alat kajian diyakini berkesan untuk mengetahui jumlah kesalahan yang dilakukan pelajar. Hal ini kerana pelajar harus menguasai aspek tatabahasa yang baik untuk menulis ayat atau karangan yang baik, sekaligus dapat memberikan data yang mewakili kesalahan yang

⁴ Dalam makalah ini, singkatan BJ merujuk kepada ayat dalam Bahasa Jepun, singkatan TR merujuk kepada ayat dalam Tulisan Rumi dan singkatan BM merujuk kepada ayat dalam Bahasa Melayu baku.

dilakukan oleh pelajar dalam penggunaan golongan kata adjektif bahasa Jepun dalam karangan untuk dianalisis dan secara langsung menjadi data kajian. Berdasarkan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam menguasai golongan kata adjektif bahasa Jepun, kertas kajian ini akan mengkaji apa-apa sahaja bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar Melayu dalam penggunaan golongan kata adjektif dalam penulisan karangan bahasa Jepun mereka.

Kajian Lepas

Kajian Lestari Astiwi, Sri Wahyu Widiati, Nana Rahayu (2015), mendapati pelajar Program Studi Pendidikan Bahasa Jepang Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Riau mampu menguasai penggunaan *i-keiyoushi* dan *na-keiyoushi* dalam penulisan karangan bahasa Jepun walaupun terdapat perbezaan antara golongan kata adjektif bahasa Jepun dengan bahasa Indonesia. Kajian Lestari Astiwi, Sri Wahyu Widiati, Nana Rahayu (1990) yang juga menggunakan Teori Taksonomi Struktur Permukaan Dulay, Burt, dan Krashen (1982) telah menganalisis data kajian yang diperoleh daripada 80 buah karangan pelajar. Hasil kajian tersebut mendapati kesalahan yang paling banyak dikesan ialah kesalahan bentuk. Manakala kesalahan yang paling sedikit dilakukan ialah kesalahan salah susun. Sehubungan dengan itu, kajian tersebut membuat kesimpulan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam penggunaan aspek morfologi berbanding dengan aspek sintaksis dalam penulisan karangan. Oleh itu, pelajar disarankan untuk membuat ulang kaji tentang pelbagai bentuk golongan kata *keiyoushi* dan *keiyoudoushi* supaya tidak melakukan atau mengulang kesalahan penggunaan *keiyoushi* dan *keiyoudoushi* dalam karangan akan datang.

Seterusnya, Rista Mega Meyana (2013) telah menjalankan kajian yang bertajuk “Analisis Kesalahan Penggunaan *Keiyoushi* Pada Karangan Mahasiswa Semester 3 Prodi Pendidikan Bahasa Jepang Universitas Semarang, Indonesia”. Dalam kajian ini, data kajian terdiri daripada sejumlah 35 buah karangan daripada 35 orang pelajar tahun kedua program pendidikan bahasa Jepun. Data-data ini telah dianalisis untuk mendapatkan 204 data kajian. Hasilnya menunjukkan terdapat 95 kesalahan penggunaan *i-keiyoushi* dan *na-keiyoushi* dalam karangan pelajar. Kesalahan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori iaitu 76 kesalahan tatabahasa, 18 kesalahan morfologi dan satu kesalahan semantik. Dapatan ini mendorong Rista Mega Meyana (2013) membuat kesimpulan tentang masalah yang dihadapi pelajar-pelajar beliau iaitu kesukaran untuk menukar bentuk *i-keiyoushi* dan *na-keiyoushi* yang ditambah kepada kata nama dalam ayat. Kesukaran ini adalah disebabkan rata-rata pelajar tidak mahir dalam penggunaan konjugasi *i-keiyoushi* dan *na-keiyoushi* yang ditambah kepada kata nama.

Selanjutnya, kajian Pungki Apriyandi (2014) tentang “Kesalahan penggunaan *I-Keiyoushi* dan *Na-Keiyoushi* dalam kalangan Mahasiswa Angkatan 2013 Program Studi Sastra Jepang di Universitas Brawijaya” mendapati pelajar sering melakukan kesalahan dalam penggunaan *i-keiyoushi* dan *na-keiyoushi* pada bentuk negatif lampau dan positif

lampau. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan analisisnya terhadap 60 buah karangan pelajar tahun kedua Program Studi Sastra Jepang di Universitas Brawijaya, Indonesia. Kajian Pungki Apriyandi (2014) turut menunjukkan kekeliruan pelajar terhadap bentuk kala masa lampau *i-keiyoushi* dan *na-keiyoushi* yang tidak terdapat dalam kata adjektif bahasa Indonesia. Kemahiran pelajar menulis karangan didapati terjejas apabila timbul apa yang diungkapkannya sebagai “gangguan”, iaitu yang merujuk kepada ketiadaan bentuk kala masa lampau dalam sistem nahu bahasa ibunda pelajar.

Berdasarkan sorotan kajian ini, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti kesalahan kata adjektif bahasa Jepun dalam karangan pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia. Hal ini bertujuan supaya pelajar Melayu tidak melakukan kesalahan penggunaan kata adjektif dalam karangan bahasa Jepun pada masa akan datang. Bagi tujuan tersebut, kajian ini dijalankan dengan menganalisis karangan-karangan yang ditulis oleh 30 orang responden kajian yang dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data kajian ini terdiri daripada 30 karangan pelajar yang dianalisis menggunakan Teori Taksonomi Struktur Permukaan Dulay, Burt, dan Krashen (1982).

Metodologi

Sampel kajian ini terdiri daripada 15 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan berbangsa Melayu dan berumur dalam lingkungan 19 hingga 24 tahun. Sampel kajian yang dipilih merupakan pelajar-pelajar prasiswazah yang mengikuti program bahasa Jepun Tahap 2 di Universiti Putra Malaysia sebagai subjek kemahiran elektif. Instrumen kajian yang digunakan ialah penulisan karangan dalam bahasa Jepun. Sampel kajian dikehendaki menulis satu karangan pendek untuk melihat kemampuan pelajar menyampaikan mesej dalam bahasa Jepun dengan menggunakan struktur tatabahasa yang betul. Bagi tujuan itu, sampel kajian diminta memilih satu daripada dua tajuk karangan yang diberikan dalam bahasa Jepun iaitu:

- i) Kehidupan di universiti.
- ii) Rakan baik saya.

Sebelum memulakan penulisan karangan, sampel telah diberikan arahan yang jelas. Masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan sebuah karangan ialah satu jam. Sampel kajian dikehendaki menyediakan karangan yang panjangnya antara 200 hingga 250 patah perkataan. Sepanjang aktiviti ini, sampel kajian tidak dibenarkan membuat rujukan kepada mana-mana sumber.

Seterusnya, data dapatan kajian dianalisis mengikut kategori kesalahan seperti yang dijelaskan dalam Teori Taksonomi Struktur Permukaan Dulay, Burt, dan Krashen (1982). Berdasarkan teori ini, kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dikategorikan kepada empat iaitu:

i. Kesalahan akibat daripada pengguguran (omission)

Pelajar menggugurkan satu atau lebih unsur-unsur bahasa yang diperlukan dalam suatu frasa atau ayat yang menyebabkan terjadinya penyimpangan konstruksi frasa atau ayat.

ii. Kesalahan penambahan perkataan (addition)

Pelajar menambah satu atau lebih unsur-unsur bahasa yang tidak diperlukan dalam suatu frasa atau ayat sekali gus menyebabkan terjadinya penyimpangan konstruksi frasa atau ayat.

iii. Kesalahan penyusunan perkataan (misordering)

Pelajar menyusun unsur-unsur bahasa dalam suatu konstruksi frasa atau ayat di luar kaedah bahasa sasaran dan pola yang tidak diterima dalam bahasa sasaran tersebut.

iv. Kesalahan pembentukan frasa atau ayat (misformation)

Pelajar membentuk suatu frasa atau ayat yang tidak sesuai dengan kaedah bahasa sasaran.

Analisis Kajian

Sejumlah 1000 ayat responden daripada dua aktiviti penulisan karangan dalam bahasa Jepun diambil sebagai data kajian untuk dianalisis. Langkah pertama adalah mengenal pasti kesalahan-kesalahan sampel kajian; seterusnya mengklasifikasikan jenis-jenis kesalahan dan akhir sekali menganalisis jenis-jenis kesalahan tersebut berdasarkan yang dipilih. Seperti yang telah dijelaskan, Teori Taksonomi Struktur Permukaan Dulay, Burt, dan Krashen (1982) membahagikan empat kesalahan yang lazim dilakukan oleh sampel kajian dalam pembelajaran bahasa Jepun iaitu:

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat 150 jenis kesalahan yang berlaku dalam kategori Pengguguran, 40 jenis kesalahan dalam kategori Penambahan, 340 jenis kesalahan dalam kategori Salah Bentuk dan 10 jenis kesalahan dalam kategori Salah Susun untuk dua aktiviti penulisan karangan dalam bahasa Jepun oleh pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia.

Jadual 2 menunjukkan Jumlah Kesalahan Kata Adjektif dalam dua aktiviti Penulisan Sampel Kajian

No	Kategori Kesalahan	Kekerapan
1	Pengguguran	150
2	Penambahan	40

3	Salah Bentuk	340
4	Salah Susun	10
	Jumlah	540

Jadual 2 menunjukkan kesalahan yang paling kerap berlaku adalah dalam kategori Salah Bentuk dan yang paling sedikit adalah dalam kategori Salah Susun. Berdasarkan data di atas, kesimpulan yang dapat dibuat ialah pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun banyak melakukan kesalahan morfologi berbanding dengan kesalahan sintaksis dalam aktiviti penulisan mereka. Hal ini dapat dilihat dalam kekerapan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar Melayu dalam kategori kesalahan Pengguguran dan Salah Bentuk. Kesalahan ini berlaku kerana pelajar Melayu berfikir dalam bahasa Melayu sebelum menulis karangan atau menterjemahkan ayat dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Jepun.

Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan dalam kajian Lestari Astiwi, Sri Wahyu Widiati, Nana Rahayu (2015) bahkan didapati menyokong dapatan kajian ini iaitu tentang kecenderungan pelajar Melayu yang menulis karangan dalam bahasa Jepun untuk melakukan kesalahan morfologi berbanding dengan kesalahan sintaksis kerana tahap kemahiran dan penguasaan bahasa Jepun pelajar berada pada peringkat permulaan. Berdasarkan dapatan kajian ini, pelajar tahap permulaan dikesan bermasalah untuk menentukan bentuk perkataan yang betul dalam membina ayat dalam bahasa Jepun yang sempurna. Tidak kurang penting, kajian ini mendapati bahawa bentuk-bentuk tatabahasa yang tidak wujud dalam bahasa ibunda responden kajian mendorong pelajar-pelajar untuk meninggalkan atau menambah bentuk-bentuk tatabahasa dalam aktiviti penulisan karangan mereka.

Seterusnya, empat data kajian telah dipilih untuk mewakili setiap kategori kesalahan berdasarkan Teori Taksonomi Struktur Permukaan Dulay, Burt, dan Krashen (1982).

A. Kesalahan Pengguguran

Menurut Dulay, et al (1982:154) "*Omission is a type of errors which are characterized by the absence of an item that must appear in a well-formed utterance*". Dalam kajian ini, kesalahan Pengguguran merupakan kesalahan kedua paling banyak dilakukan oleh sampel kajian dalam penulisan karangan bahasa Jepun. Berikut merupakan kesalahan yang kerap dilakukan oleh sampel kajian:

- (1) BJ : マリアさんは きれい がくせい です。
 TR : *Mariasan wa kirei gakusei desu.*
 BM : Cik Maria adalah pelajar cantik.

(2) BJ: ふじだいがくは ゆうめい だいがく じゃありません。

TR: *Fuji daigaku wa yuumei daigaku ja arimasen.*

BM: Universiti Fuji bukan universiti terkenal.

(3) BJ: この はなは きれ じゃありません。

TR: *Kono hana wa kire ja arimasen.*

BM: Bunga ini tidak cantik.

Ayat (1) dan (2) yang ditulis oleh sampel kajian seperti di atas menunjukkan pengguguran ‘na’ apabila berlaku konjugasi antara kata adjektif dengan kata nama dalam struktur ayat bahasa Jepun. Hal ini kerana dalam pembentukan kata adjektif “*na-keiyoushi*”, kata な [na] selepas kata adjektif perlu ditambah bagi menghubungkan kata adjektif dengan kata nama. Fungsi kata adjektif ini adalah sebagai pemberi sifat kepada kata nama dengan menggunakan pola kata adjektif +~na + kata nama. Sementara itu, ayat (3) menunjukkan sampel menggugurkan huruf り [i] pada perkataan kirei. Pengguguran ini terjadi kerana sampel menganggap kirei sebagai keiyoushi oleh itu perlu menggugurkan huruf り [i] dalam bentuk negatif. Namun, *kirei* ialah *keiyoudoushi* yang tidak memerlukan sebarang pengguguran dalam bentuk negatif.

Walau bagaimanapun, pola kata adjektif +~na + kata nama ini tidak wujud dalam bentuk ayat bahasa Melayu baku. Dalam sistem nahu bahasa Melayu, bentuk ayat lazimnya berakhir dengan kata nama + kata adjektif sahaja. Sebagai contohnya:

(1) BM: Cik Maria adalah pelajar cantik.

(2) BM: Universiti Fuji bukan universiti terkenal.

Perbezaan antara struktur ayat bahasa Melayu dengan bahasa Jepun menyebabkan pelajar menggugurkan ‘na’ apabila berlaku konjugasi antara kata adjektif dengan kata nama dalam karangan bahasa Jepun. Hal ini merupakan kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun disebabkan pola kata adjektif +~na + kata nama ini tidak wujud dalam bentuk ayat bahasa Melayu baku.

Oleh yang demikian, ayat yang betul adalah:

(1) BJ: マリアさんは きれいな がくせい です。

TR: *Mariasan wa kireina gakusei desu.*

BM: Cik Maria adalah pelajar cantik.

(2) BJ: ふじだいがくは ゆうめいな だいがく じゃありません。

TR : *Fuji daigaku wa yuumeina daigaku ja arimasen.*

BM : Universiti Fuji bukan universiti terkenal.

(3) BJ: この はなは きれい じゃありません。

TR : *Kono hana wa kirei ja arimasen.*

BM : Bunga ini tidak cantik.

B. Kesalahan Penambahan

Menurut Dulay, Burt, dan Krashen (1982), kesalahan Penambahan berlaku kesan daripada penggunaan peraturan-peraturan tertentu secara berleluasa (*result of all too-faithful use of certain rules*). Kesalahan jenis ini berpunca disebabkan kehadiran sesuatu unsur yang sebenarnya tidak diperlukan dalam ayat bahasa sasaran piawai. Berikutnya merupakan kesalahan yang sering dilakukan oleh sampel kajian:

(4) BJ: せんげつともだちに たかいの すしをおごってもらいました。

TR : *Sengetsu tomodachi ni takai no sushi o ogotte moraimashita.*

BM : Pada bulan lepas saya menerima belanja (dibelanja) sushi yang mahal oleh rakan.

(5) BJ: アミラさんは やさしいの ひとです。

TR : *Amirasan wa yasashii no hito desu.*

BM : Cik Amira seorang yang lemah lembut.

Dalam sistem bahasa Jepun, terdapat dua jenis kata adjektif iaitu “kata adjektif *i*” dan “kata adjektif *na*”. Lazimnya, adjektif diletakkan sebelum kata nama bertujuan untuk mengubah suai kata nama tersebut. Dalam hal ini, “adjektif *na*” memerlukan “*na*” sebelum sesuatu kata nama berbanding dengan “adjektif *i*” yang tidak memerlukan sebarang partikel apabila digunakan dengan kata nama. Oleh itu, partikel “*no*” dalam ayat di atas tidak diperlukan. Contoh-contoh di bawah menunjukkan penggunaan “adjektif *na*” dan “adjektif *i*” yang betul (Tsujimura. N, 2007):

“Adjektif *na*” : *Kare wa shinsetsu na hito desu.*

“Adjektif *i*” : *Fujisan wa takai yama desu.*

Seterusnya, merujuk ayat (4) yang dibuat oleh sampel, “*Sengetsu wa tomodachi ni takai no sushi o ogotte maratta (moraimashita)*”. Dalam ayat ini, partikel “*no*” tidak diperlukan kerana “*takai*” merupakan adjektif “*i*” yang tidak memerlukan apa-apa penambahan, melainkan mengekalkan huruf “*i*” di hujung perkataan tersebut misalnya “*takai*”. Begitu juga dengan ayat (5) iaitu, “*Amirasan wa yasashii no hito desu*”. Dalam

ayat ini, partikel “no” tidak diperlukan kerana “yasashii” merupakan adjektif “i” yang tidak memerlukan sebarang penambahan. Sampel hanya perlu mengekalkan huruf “i” di hujung perkataan tersebut iaitu “yasashii”. Contoh penggunaan dalam ayat yang tepat adalah seperti berikut:

- (4) BJ: せんげつともだちに たかいすしをおごってもらいました。
TR: *Sengetsu tomodachi ni takai sushi o ogotte moraimashita.*
BM: Pada bulan lepas saya menerima belanja (dibelanja) sushi yang mahal oleh rakan.
- (5) BJ: アミラさんは やさしい ひとです。
TR: *Amirasan wa yasashii hito desu.*
BM: Cik Amira seorang yang lemah lembut.

C. Kesalahan Salah Bentuk

Menurut Dulay et al. (1982), kesalahan Salah Bentuk ini merupakan berpunca daripada penggunaan struktur ayat atau morfem yang salah. Hal ini adalah kerana pelajar bahasa asing cuba membina ayat atau meletakkan morfem yang tidak betul, walaupun struktur ayat atau morfem yang digunakan adalah salah. Berikutnya merupakan kesalahan yang kerap dilakukan oleh sampel kajian:

- (6) BJ: このみせの たべものは あまり やすくないです。
TR: *Kono mise no tabemono wa amari yasui kunai desu.*
BM: Makanan di kedai tersebut adalah tidak murah.
- (7) BJ: だいがくの せいかつは いそがしいくないです。
TR: *Daigaku no seikatsu wa isogashii kunai desu.*
BM: Kehidupan di universiti tidak sibuk.

Berdasarkan ayat-ayat yang dibuat oleh sampel seperti yang dibincangkan ini, bentuk kesalahan yang kelihatan ialah kesalahan Salah Bentuk. Kesalahan ini terjadi pada tataran perubahan morfem. Dalam kata adjektif *i-keiyoushi*, gabungan *i-keiyoushi* dengan bentuk negatif *くない* [*kunai*], menyebabkan huruf *い* berubah menjadi *く* [*ku*] dengan pola kata adjektif *-i + kunai desu*.

Jadual 3: Perubahan いKeiyoushi 「い 形容詞」 Kepada Bentuk Negatif

Bentuk Biasa	Bentuk Negatif
やすい (いadjektif)	や <u>す</u> くない
Murah	Tidak murah
たかい	たか <u>く</u> ない
Mahal	Tidak mahal

Walau bagaimanapun dalam struktur ayat bahasa Melayu, perubahan kata adjektif kepada bentuk negatif tidak menyebabkan berlaku sebarang perubahan pada kata dasar kata adjektif tersebut. Hal ini berbeza dengan kata adjektif dalam bahasa Jepun yang mengalami perubahan pada kata dasar bagi kata adjektif *i-keiyoushi*, iaitu apabila *i-keiyoushi* digabungkan dengan bentuk negatif くない [*kunai*], maka huruf *い* diubah menjadi *く* [*ku*] dengan pola kata adjektif *-i + kunai desu*. Perubahan ini menimbulkan kekeliruan kepada sampel kajian dan menyebabkan sampel kajian menggunakan bentuk negatif kata adjektif *-i* yang salah dalam karangan. Oleh yang demikian, ayat yang betul adalah seperti berikut:

(6) BJ: このみせのたべものはあまりやすくないです。

TR: *Kono mise no tabemono wa amari yasu kunai desu.*

BM: Makanan di kedai tersebut adalah tidak murah.

(7) BJ: だいがくのせいかつはいそがしくないです。

TR: *Daigaku no seikatsu wa isogashi kunai desu.*

BM: Kehidupan di universiti tidak sibuk.

D. Kesalahan Salah Susun

Menurut Dulay et al. (1982), kesalahan Salah Susun melibatkan penyusunan perkataan yang digunakan dalam ayat bahasa sasaran mengikut susunan yang salah. Hal ini jelas dinyatakan oleh Dulay et al. (1982) dalam bukunya *Language Two* bahawa “*The learner can select the right forms to use in the right context but they arrange them in the wrong order*”, iaitu tentang bentuk kesalahan Salah Susun yang dilakukan oleh pelajar bahasa asing. Berikutnya merupakan kesalahan yang kerap dilakukan oleh sampel kajian:

(8) BJ: クアラ・ルンプールはまちいそがしいです。

TR: *Kuara Rumpuru wa machi isogashii desu.*

BM: Kuala Lumpur ialah bandar yang sibuk.

(9) BJ: さくらは はな きれいです。

TR : *Sakura wa hana kireidesu.*

BM : Sakura ialah bunga yang cantik.

Merujuk ayat yang ditulis oleh sampel kajian seperti di atas, dapat dikesan bahawa kesalahan yang terbentuk ialah kesalahan Salah Susun. Kesalahan yang terjadi pada ayat tersebut berpunca daripada kesalahan struktur ayat. Susunan ayat bahasa Jepun di atas tidak mengikut susunan ayat bahasa Jepun yang baku. Hal ini kerana dalam tatabahasa bahasa Jepun, kata adjektif harus mendahului kata nama dan bukan sebaliknya. Oleh itu, kesalahan ini berlaku kerana sampel kajian menterjemahkan struktur ayat bahasa Melayu ke dalam struktur ayat bahasa Jepun seperti di atas. Dalam ayat (8) pula, analisis kajian ini pada frasa “まちいそがしい- (*machi isogashii*)” mendapati bahawa sampel kajian cuba menyampaikan ayat dan makna yang menggambarkan “bandar yang sibuk.” Walau bagaimanapun penggunaannya dalam struktur ayat bahasa Jepun yang betul ialah “にぎやかなまち”, iaitu pemilihan kata adjektif yang dapat menunjukkan sifat sibuk untuk tempat iaitu “にぎやか”, dan bukannya “いそがしい” yang sepatutnya digunakan untuk menunjukkan sifat “sibuk” bagi manusia atau pekerjaan.

Apabila sampel kajian membuat terjemahan secara lisan ayat bahasa Melayu ke dalam bahasa Jepun, maka kesalahan Salah Susun berlaku dalam karangan mereka. Pengetahuan kosa kata yang terhad turut menyebabkan sampel kajian memilih kata adjektif yang salah untuk menunjukkan sifat “sibuk” untuk tempat. Kesalahan ini berlaku kerana ketiadaan perbezaan antara kata adjektif dalam bahasa Melayu yang menunjukkan situasi “sibuk” untuk tempat, manusia atau pekerjaan. Hal yang sama berlaku dalam ayat (9). Dalam ayat ini, kesalahan berlaku apabila sampel kajian menterjemahkan struktur ayat bahasa Melayu ke dalam struktur ayat bahasa Jepun. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, dalam susunan tatabahasa Jepun, kata adjektif mendahului kata nama dan bukan sebaliknya. Oleh yang demikian, ayat yang betul adalah seperti berikut:

(8) BJ: クアラ・ルンプールはにぎやかなまちです。

TR : *Kuara Rumpuru wa nigiyaka na machi desu.*

BM : Kuala Lumpur adalah bandar yang sibuk.

(9) BJ: さくらは きれいな はなです。

TR : *Sakura wa kireina hana desu.*

BM : Sakura adalah bunga yang cantik.

Dapatan kajian

Dapatan kajian mendapati kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh sampel kajian ialah kesalahan penyusunan perkataan. Manakala kesalahan pembentukan struktur yang betul merupakan kesalahan yang paling sedikit dilakukan sampel kajian. Kesalahan-kesalahan ini berpunca daripada perbezaan struktur tatabahasa antara bahasa Jepun dengan bahasa ibunda responden iaitu bahasa Melayu. Selain itu, perbezaan sistem dan rumus ayat antara bahasa Jepun dengan bahasa Melayu menyebabkan pelajar melakukan kesalahan membina ayat dalam bahasa Jepun. Berhubung perkara ini, Lado (1957) menjelaskan bahawa pelajar mudah menulis karangan dalam bahasa Jepun secara betul sekiranya sistem bahasa yang dipelajarinya itu sama dengan sistem bahasa ibunda mereka. Sebaliknya, perbezaan rumus-rumus dalam sistem ayat antara dua bahasa akan meningkatkan kebarangkalian pelajar menghadapi kesulitan dalam mempelajari bahasa asing tersebut. Justeru itu, guru bahasa dan pengajar bahasa Jepun disarankan untuk mengetahui dan memahami permasalahan penggunaan kata adjektif bahasa Jepun dalam konteks ayat yang sesuai dan menyediakan langkah-langkah yang wajar dan berkesan untuk mengatasinya. Tidak kurang penting, aspek morfologi wajar dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Ini adalah aspek ini didapati penting untuk membantu pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia

Penutup

Kesimpulan dalam konteks kajian ini mendapati bahawa pelajar Melayu sering melakukan kesalahan penggunaan kata adjektif dalam karangan bahasa Jepun adalah bertolak daripada aspek morfologi dan selaras dengan tahap pembelajaran bahasa Jepun peringkat permulaan. Akhir sekali, dapatan kajian ini diyakini dapat memberi maklum balas tentang keupayaan pelajar Melayu dalam mempelajari struktur ayat dalam bahasa Jepun dan seterusnya dapat memberikan panduan kepada guru dan pengajar bahasa Jepun untuk menyenaraikan ciri-ciri pemarkahan yang melibatkan kata adjektif untuk karangan dalam bahasa Jepun.

Rujukan

- Bialystok, E. (1990). *Communication Strategies: A Psychological Analysis of Second Language Use* [M]. London: Blackwell.
- Brown, H. D. (2000). *Principles of Language Learning and Teaching*. New York: Longman.
- Cheun, H. H., Ho, W. C. & Hoe, F. T. (2009). "A Study of Mandarin Sentence Grammar Mistake Made by Non-Native Speaker". Dalam *Proceeding Language and Culture: Creating and Fostering Global Communities*.
- Choong, Pow Yean. (2005). "Analisis Kesilapan Penggunaan Partikel Kes Bahasa Jepun di Kalangan Pelajar Melayu di UiTM". Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Coder, S. Pit. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Dulay, H; Burt, M. & Krashen, S. 1982. *Language Two*. New York: OUP.
- Ellis, R. (1986). *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Fries, C. (1945). *Teaching and Learning English as a Foreign Language*. Ann Arbour: University of Michigan Press.
- James, Carl. (1998). *Errors in Language Learning and Use*. England: Longman.
- Kaneko, Yoshiaki. 1999. "Conditional If-Clauses And The Performative Modal in COMP," Dalam *Linguistics and Phonetics 2002 Proceedings* (Akses atas talian).
- Kellerman, E. 1978. "Giving Learners a Break: Native Language Intuitions as A Source of Predictions about Transferability". Dalam *International Journal of Bilingualism* 15: 59–92.
- Kellerman, E. 1984. "The Empirical Evidence for the Influence of the L1 in Interlanguage". Dalam Davies, A., Criper, C. and Howatt, A. (eds.) 1984: *Interlanguage*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Kellerman, E., and Sharwood Smith, M. (eds.) 1986: *Crosslinguistic Influence in Second Language Acquisition*. Oxford: Pergamon Press.
- Kitahara, Yasuo. 1998. *Nihongogaku*. Tokyo: Sakai Shoten.
- Lestari Astiwi, Sri Wahyu Widiati, Nana Rahayu. 2015. Analisis Kesalahan Penggunaan *I-keiyoushi* Dan *Na-keiyoushi* Dalam Menulis "Sakubun" pada Mahasiswa Program Studi Pendidikan Bahasa Jepang Tingkat II Universitas Riau. Dalam *Jurnal Online*

Mahasiswa Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan. Universiti Riau Indonesia. Jilid 2 (1).

- Lado, R. (1957). *Linguistics Across Cultures*. Ann Arbor, Michigan: University of Michigan Press.
- Masuoka, T. and Takubo, Y. 2002: “*Meisi no syuusyoku to heiretu*” [*Noun Modification and Parataxis*]: *Kiso nihongo bunpoo [Basic Japanese Grammar]*. Tokyo: Kurosio Publishers.
- Ong Shyi Nian dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). “Memahami Penguasaan Kata Sendi Nama Bahasa Jepun Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Pendekatan Analisis Kesilapan”. Dalam *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*. Jilid 5: 41-61.
- Pungki Apriyandi. (2014). “Kesalahan Penggunaan *I-Keiyoushi* dan *Na-Keiyoushi* Dalam Kalangan Mahasiswa Angkatan 2013 Program Studi Sastra Jepang di Universitas Brawijaya”. Disertasi Sarjana Satera yang belum diterbitkan. Universiti Brawijaya. Malang: Indonesia
- Richards, J.C. (1974.) *Error analysis. Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman.
- Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Essex: Longman.
- Ringbom, H. 1987. *The Role of The First Language in Foreign Language Learning*. Philadelphia: Multilingual Matters Ltd.
- Roswati Rashid. 2002. “Analisis Kesilapan Ayat-Ayat Bersyarat Bahasa Jepun Di Kalangan Pelajar-Pelajar Melayu”. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rista Mega Meyana. 2013. “Analisis Kesalahan Penggunaan *Keiyoushi* Pada Karangan Mahasiswa Semester III Prodi Pendidikan Bahasa Jepang Universitas Negeri Semarang”. Dalam *Journal of Japanese Learning and Teaching* 2 (1).
- Sudjianto, (2014). *Gramatika Bahasa Jepang Modern*. Seri B. Jakarta. Kesaint Black.
- Sudjianto & Ahmad Dahidi. 2007. *Pengantar Linguistik Bahasa Jepang*. Bekasi Timur: Kesaint Black
- Sutedi, Dedi. 2009. *日本語の額の木曾 (nihongo gaku no kiso)*. Bandung: Humaniora.
- Swan, M. 1997. “*The Influence Of The Mother Tongue on Second Language Vocabulary Acquisition and Use*”. Dalam N. Schmitt, M. McCarthy (eds.) *Vocabulary: Description Acquisition and Pedagogy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tsujimura, Natsuko. 2007. *An Introduction to Japanese Linguistics*. 2nd Edition. Oxford: Blackwell.